

Perkasa program latihan guru kemudi pendidikan era digital



Oleh Dr Ahmad Aizuddin Md Rami
bhrencana@bh.com.my

Sistem pendidikan di Malaysia memiliki sejumlah kekuatan yang signifikan menerusi dasar serta program pendidikan dirangka, tetapi perlu diakui masih terdapat beberapa kelemahan perlu diperhatikan untuk peningkatan lebih lanjut.

Antara aspek utama yang perlu diberi penekanan adalah meningkatkan lagi tahap profesionalisme guru sebagai ejen terpenting membangunkan murid sebagai sumber modal insan terbaik untuk negara dan masa depan.

Bagi memastikan profesionalisme guru berada pada tahap terbaik, pelbagai inisiatif program latihan dilaksanakan Kementerian Pendidikan (KPM) seperti terkandung dalam Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) dan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan supaya guru lebih kompeten, tangkas, berkemahiran digital dan kreatif seiring keperluan pembelajaran bilik darjah terbaik dan perubahan pendidikan pada peringkat global.

Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Guru 2023 oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini, mendapati domain kompetensi guru mendapat skor memuaskan, iaitu 71 peratus dan kajian mencadangkan ruang penambahbaikan melalui latihan berdasarkan keperluan sebenar guru seperti latihan berkaitan integrasi teknologi di-

gital terkini dalam bilik darjah.

Laporan Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi (OECD), guru di Malaysia adalah guru paling aktif mengikut aktiviti pembangunan profesionalisme secara berterusan, iaitu sebanyak 87.4 peratus berbanding negara lain dan menjadi negara kedua di Asia selepas Singapura.

Kajian tinjauan Faktor Persaraan Awal Guru dan Kaitannya dengan Pembangunan Profesionalisme Keguruan oleh KPM pada 2022 mendapati antara faktor persaraan awal guru disebabkan perubahan pelaksanaan dasar dan pendigitalan pendidikan.

Laksana pelan latihan digital secara berkala

Ini boleh ditangani menerusi pelan latihan digital dilaksanakan berkala, tersusun dan tidak membebankan guru supaya membantu mengurangkan jumlah persaraan awal guru direkodkan 2023 se-ramai 6,394 pegawai.

Laporan kajian ini menunjukkan perlunya pembangunan latihan guru lebih jelas, tersusun dan mengikut keperluan dilaksanakan supaya pendidik dapat memberi fokus kepada peningkatan kualiti pedagogi, pentaksiran dan kurikulum terutama dalam mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Malah, ia menjadi sokongan moral kepada guru dalam pengembangan diri dan kerjaya mereka. Kerjasama semua pihak dan pemegang taruh pendidikan dalam perencanaan program latihan serta laluan latihan jelas perlu dilaksanakan secara ter-

susun supaya tidak menjadi beban kepada guru terutama pertindihan arahan dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan KPM.

KPM perlu menyediakan dana peruntukan lebih besar kepada keperluan latihan guru dan tidak hanya memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur sekolah semata-mata.

Peruntukan besar perlu disalurkan kepada pembangunan latihan bagi memastikan kesinambungan pembangunan profesionalisme guru secara holistik dan memberi kesan kepada kualiti pendidikan negara.

Justeru, kepentingan memperkasa profesionalisme melalui latihan kepada guru perlu diberi tumpuan KPM dan menjelang pembentangan Belanjawan 2025 kelak. Pelaburan dalam latihan perguruan bukan sekadar pelaburan kepada guru sahaja tetapi pelaburan untuk masa depan Malaysia.

Perkembangan globalisasi pendidikan menyebabkan sistem pendidikan sentiasa berubah dan terus dinamik. Kini negara bergantung harap kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 melalui pelaksanaan pelbagai dasar dan ikhtiar KPM.

Perlu disedari dan difahami, segala latihan kepada guru dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan kemenjadian murid memerlukan masa untuk proses penyesuaian, selain menuntut sokongan ibu bapa, pembabitan masyarakat lebih aktif bagi memantapkan ekosistem sekolah memasuki era digitalisasi.

Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia